

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, September 8, 2019 4:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Universitas Airlangga Indonesia Wujud Kerjasama Strategik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

08 SEPTEMBER 2019 / 08 MUHARAM 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA COB

LAWATAN UNIVERSITAS AIRLANGGA INDONESIA WUJUD KERJASAMA STRATEGIK



UUM ONLINE: Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni COB (PPA COB) telah menerima kunjungan 17 pelajar dari Himpunan Mahasiswa Akuntansi (Accounting Student Association), Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia, baru-baru ini.

Delegasi yang diketuai pensyarah, Sigit Kurnianto itu telah disambut Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar.

Dr. Herman berkata, lawatan itu adalah untuk mewujudkan kerjasama strategik serta kolaborasi dalam bidang pengajian serta aktiviti pelajar yang terdapat di kedua-dua universiti.

"Saya berharap kerjasama ini dapat diteruskan di peringkat yang lebih tinggi dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak khususnya dan kedua-dua negara amnya.

"Ini juga sebahagian daripada inisiatif AACSB yang menggalakkan inovasi, impak dan hubungan bukan sahaja di peringkat domestik tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Sigit berkata, Universitas Airlangga berhasrat untuk mempergiatkan lagi aktiviti mobiliti pelajar, pertukaran pelajar, *Summer Programme* serta peluang melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah di UUM COB.

Dalam lawatan itu juga, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni (TISSA), Prof. Madya Dr. Engku Ismail Engku Ali; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni (STML), Dr. Fadhilah Azahari dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni (SBM), Dr. Munirah Khamarudin turut berkongsi maklumat tentang program yang ditawarkan serta kelab aktiviti pelajar yang bernaung di bawah pusat pengajian masing-masing.

Pelajar daripada Universitas Airlangga turut menyuarakan hasrat serta minat mereka untuk melanjutkan pengajian serta menyertai kelab aktiviti pelajar yang terdapat di universiti ini.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.